

# 'Mesej jelas segala usaha gugat Kerajaan Perpaduan ditolak'

Ahmad Zahid  
anggap keputusan  
calon menang  
bukti kesepaduan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan Pemilihan UMNO 2023 yang diumumkan secara rasmi, kelmarin memberi mesej jelas bahawa segala usaha direncana pihak tertentu untuk menggugat kedudukan Kerajaan Perpaduan, sudah gagal dan ditolak.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menjelaskan mesej perwakilan UMNO yang memberi sokongan kepada calon yang menang, membuktikan mereka mahu kerajaan terbita ini terus berfungsi dan dipertahankan.

"Jelas daripada keputusan pemilihan sayap UMNO di peringkat kawasan Parlimen (bahagian) dan Pusat, ditambah pemilihan di peringkat bahagian dan nasional, jelas memperlihatkan bahawa telah ada untuk gugat kerajaan yang ada boleh dielakkan.

"Kelihatan kesepaduan dalam pemimpin UMNO yang dilihat daripada dukungan akar umbi kepada kepimpinan nasional adalah untuk beri dukungan kepada Kerajaan Perpaduan.

"Walaupun ada usaha menggugat kerajaan, sekarang ia jelas ditolak kerana terdapat 160,000 perwakilan sudah buat pemilihan. Jelas isyarat ini bahawa (perwakilan) menolak unsur untuk memecahkan UMNO dari luar dan menyuntik perpecahan dari dalam untuk meruntuhkan kerajaan yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Sekretariat Kerajaan Perpaduan kali kedua yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia (WTC), Ahad lalu.

UMNO mengakhiri siri pemilihan partinya Ahad lalu selepas 187 Bahagian UMNO di seluruh negara bersidang pada Sabtu.

Pemilihan UMNO 2023 menyaksikan Ahmad Zahid kekal sebagai Presiden UMNO selepas jawatan disandang tidak dipertanding, begitu juga timbalannya, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Jawatan Naib Presiden UMNO pula disandang Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin serta Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, keputusan pemilihan kali ini menunjukkan akar umbi UMNO mahu kerajaan sedia ada diperkukuh, membabitkan kombinasi 20 parti.

"Kami (UMNO) berjanji Kerajaan Perpaduan akan terus didu-



Anwar bersama Ahmad Zahid dan pemimpin tertinggi Kerajaan Perpaduan pada sidang media selepas Mesyuarat Sekretariat Kerajaan Perpaduan, di Menara Dato Onn, Kuala Lumpur. (Foto Aizuddin saad/BH)

kung oleh kami bersama rakan parti lain termasuk dari Barisan Nasional (BN)," katanya.

## Kemenangan menyakinkan

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan keputusan pemilihan UMNO itu membawa mesej kemenangan satu pasukan yang meyakinkan dan berupaya memperkukuhkan kedudukan Kera-

jaan Perpaduan.

"Setinggi tahniah kepada Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan pimpinan yang menunjukkan satu kemenangan pasukan yang meyakinkan dan dengan ini, ia akan memperkukuh Kerajaan Perpaduan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Sekretariat Kerajaan Perpaduan.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah

Yusof; Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke; Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Dalam pada itu, Anwar berkata, komitmen kehadiran yang ditunjukkan pimpinan parti Kerajaan Perpaduan pada mesyuarat malam itu, memberi jaminan dan bukti dokongan kuat semua kepada kerajaan.